

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Rabiul Awwal 1446H/September 2024

ACIS

Meneladani Rasulullah SAW

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Nama-Nama Rasulullah SAW yang Mulia



Oleh:
Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



Muhammad Nasrul Hakim Bin Mat Nasir
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan kita Nabi Muhammad. Al-Bukhariyy meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda : ((Aku memiliki lima nama. Aku *Muhammad* dan *Ahmad*. Dan aku *al-Mahi* yang Allah menghilangkan kekufuran dengan kedatanganku. Dan aku *al-Hasyir* yang dihimpunkan sekalian manusia di kakiku. Dan aku *al-Aqib*). Ulama' berkata maksud hadith ini ialah Nabi Muhammad SAW memiliki lima nama yang masyhur dan nama-nama baginda tidak terhad kepada lima sahaja.

Abu Bakar Muhammad Bin al-Arabiyy al-Malikiyy menyebut di dalam kitabnya "*Aridhah al-Ahwaziyy*" bahawa Rasulullah SAW memiliki sebanyak enam puluh tujuh nama. Ulama' yang lain pula menyatakan bahawa Rasulullah SAW memiliki sebanyak sembilan puluh sembilan nama. Ibnu Dihyah mengatakan bahawa Rasulullah SAW memiliki sebanyak tiga ratus nama. Bagi sebahagian ahli sufi, Rasulullah SAW memiliki lebih daripada tiga ratus nama.

Bagi mengetahui nama-nama Rasulullah SAW yang mulia tersebut, artikel ini hanya memfokuskan secara ringkas konsep lima nama yang masyhur berdasarkan hadith diberikan. **Pertama adalah nama Muhammad yang bermaksud orang yang dipuji.** Baginda diberi nama ini kerana memiliki sifat-sifat yang terpuji. Sebelum kelahiran baginda, masyarakat Arab dikhabarkan oleh para pendeta bahawa akan dibangkitkan seorang Nabi pada waktu itu. Lalu mereka menamakan anak-anak mereka dengan nama Muhammad, dengan harapan anak mereka itulah Nabi yang dimaksudkan. Jumlah bayi yang diberi nama tersebut kira-kira lima belas orang tetapi tiada seorang pun dari kalangan mereka dilantik menjadi Nabi.

Kedua pula adalah nama Ahmad yang bermaksud orang yang paling banyak memuji Allah Ta'ala. Ibnu Hajar al-Asqalaniyy di dalam kitabnya "*Fath al-Bari*" menukilkan daripada al-Qadhi Iyadh bahawa Rasulullah SAW terlebih dahulu menjadi *Ahmad* sebelum menjadi *Muhammad* kerana penamaannya sebagai *Ahmad* terdapat di dalam kitab-kitab terdahulu. Manakala penamaannya sebagai

sebagai *Muhammad* terdapat di dalam al-Quran sahaja.

Ketiga adalah nama Al-Mahi yang bermaksud orang yang menghilangkan. Allah Ta'ala menghilangkan kekufuran dengan ilmu dan dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Permulaan kekufuran adalah berlaku selepas kewafatan Nabi Idris 'Alaihissalam yang berlanjutan sehingga lahirnya Nabi Muhammad SAW dan turunnya Nabi Isa 'Alaihissalam. Allah Ta'ala mengutuskan para Nabi untuk menghilangkan kekufuran daripada kehidupan manusia.

Seterusnya, **keempat adalah nama Al-Hasyir bermaksud orang yang menghimpunkan.** Perhimpunan jin, manusia dan haiwan pada hari akhirat kelak berlaku selepas baginda dilantik menjadi Nabi ataupun perhimpunan berkenaan berlaku setelah baginda keluar dari kubur. Baginda merupakan orang yang pertama akan keluar dari kubur. Maksud perhimpunan di sini adalah menghalau mereka yang dibangkitkan dari kubur ke tempat yang tertentu.

Akhir sekali, **kelima adalah nama Al-'Aqib bermaksud tiada Nabi selepasnya.** Di dalam al-Quran dan hadith ditegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan Nabi yang terakhir dan tidak akan dibangkitkan Nabi yang lain selepas kewafatan baginda.

Demikianlah lima nama Rasulullah SAW yang mulia. Justeru, marilah kita sama-sama cakna dengan nama-nama Nabi Muhammad SAW yang disebut dalam hadith. Di samping memahami dan mengingat nama-nama tersebut sebagai tanda kecintaan kita kepada Nabi Muhammad SAW.

الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ
الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ
الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ اللَّهِ
الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَاتِمَ رُسُلِ اللَّهِ
الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَنْبِيَاءَ اللَّهِ أَجْمَعِينَ

Rujukan :
Al-Hafiz Al-'Iraqiyy. 1426 H. Alfyyati Al-Sirah Al-Nabawiyyah.
Darul Minhaj : Beirut.
Zainuddin Muhammad Abdul Rauf al-Munawi. 2007.
Al-'Ujaallah Al-Saniyyah 'Ala Alfyyati Al-Sirah
Al-Nabawiyyah. Darul Masyari' : Lubnan.